



TEKS AMANAT

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD. NA'IM HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN AGENSI-AGENSI DI BAWAH YB MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

15 MAC 2023M / 22 SYAABAN 1444H / 10.00 PAGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ السَّلَامِ الْمُؤْمِنِ الْحَيِّ الْقَيُّومِ ذِي الْجَلَالِ
وَالْإِكْرَامِ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى عَبْدِهِ وَرَسُولِهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الْمُبْعُوثِ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ وَهَدَايَةً لِّلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. نَحْمَدُكَ اللَّهُمَّ
عَلَى مَا أَنْعَمْتَ عَلَيْنَا مِنَ النِّعَمِ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

[SALUTASI]

**Yang Berbahagia Dato' Sri Amrin bin Awaluddin,
Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji**

**Yang Berbahagia Datuk Hajjah Hakimah binti Mohd.
Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM**

**Datuk-Datuk, Ketua-ketua agensi hal ehwal Islam,
pengurusan kanan dan seluruh warga JAKIM, JKSM,
JAWHAR, MAIWP, JAWI, Tabung Haji, IKIM, YADIM,
YaPEIM, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan,
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Jabatan
Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan, TV Al-
Hijrah dan Yayasan Waqaf Malaysia yang dihormati
sekalian,**

1- Ingin saya memulakan ucapan dalam perhimpunan ini dengan sama-sama merenung firman Allah SWT dalam Surah Hud, ayat 88:

قَالَ يَقَوْمِ أَرَأَيْتُمْ إِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَرَزَقْنِي مِنهُ رِزْقًا حَسَنًا وَمَا أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفَكُمْ إِلَىٰ مَا أَنهَكُم عَنْهُ إِنْ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ٨٨

Maksud Ayat:

56. Nabi Syuaib berkata: “Wahai kaumku, apakah pandanganmu jika aku mempunyai bukti yang nyata daripada Tuhanku dan dianugerahkan-Nya rezeki yang baik untukku dari sisi-Nya (patutkah aku mendiamkan perintah-Nya?) Aku bukan berniat hendak menyalahkan kamu dengan apa-apa yang aku larang itu, malah tujuan aku hanyalah untuk membaiki (keadaan kamu) setakat termampu olehku. Tidaklah ada hidayah petunjuk (taufik) bagiku melainkan dengan pertolongan Allah. Hanya kepada-Nya aku bertawakal dan kepada-Nya aku kembali”.

2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, atas izin-Nya jua, pada pagi ini seperti yang dijadualkan, Majlis Perhimpunan Agensi di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Kali ke-2 dapat dilaksanakan.
3. Pada perhimpunan kali ini, giliran agensi Tabung Haji pula menjadi urus-setia. Terima kasih kepada semua

barisan urus setia yang bertungkus lumus membuat persiapan untuk menjayakan majlis ini.

4. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Ketua-ketua agensi bersama seluruh warga Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) kerana telah melapangkan masa hadir ke Perhimpunan ini untuk menekuni perkara-perkara penting yang akan disampaikan.

**Hadirin dan hadirat sekalian,
(100 HARI-INISIATIF KERAJAAN PERPADUAN)**

5. Garis masa begitu pantas bergerak. Hari ini, sudah 101 hari, (bermula 5 Disember 2022-14 Mac 2023) saya berada di kerusi Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) memegang amanah. Tentunya tempoh ini amat mencabar bagi saya. Saya mengambil sedikit masa untuk mengamati serta mencermati fungsi, bidang tugas serta hal-hal pentadbiran di semua 14 buah agensi hal ehwal Islam di bawah portfolio JPM (Hal Ehwal Agama). Meneruskan tugas para pemimpin terdahulu selain memerhati dengan lebih dekat, usaha-usaha penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk agama dan ummah.
6. Dalam hambatan masa tersebut, saya amat bersyukur kerana mendapat kerjasama padu daripada Ketua-ketua agensi, para pegawai kanan termasuk tuan-tuan dan puan-puan, seluruh warga agensi hal ehwal Islam. Apa

sahaja maklumat dan informasi yang saya perlukan, dengan kesegeraan, ketua-ketua agensi memberikan maklumat berkenaan.

7. Seringkali saya nyatakan di mana-mana, kita mesti bekerja dalam satu pasukan dengan semangat ukhuwah, syura dan musyawarah. Inilah yang mahu kita terapkan bersama.

8. Dalam tempoh 100 hari pentadbiran, alhamdulillah sebanyak **5 inisiatif utama Kerajaan Perpaduan khususnya bagi agensi hal ehwal Islam** telah berjaya kita laksanakan iaitu:

i) Program Pertanian Bandar : Urban Farming Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Projek ini melibatkan 5 rumah hijau di 5 buah PPR Wilayah Persekutuan dan 5 rumah cendawan di laman cendawan di Wilayah Persekutuan Labuan. Dengan kos RM 670,000.00, projek ini telah berjaya dibangunkan untuk meningkatkan pendapatan selain mengupayakan golongan asnaf.

ii) Program CSR Bincang Niaga

Program ini dilaksanakan oleh agensi TV Alhijrah untuk membantu memperkasa usahawan kecil melalui promosi media. Sebanyak 20 usahawan industri kotej dalam kategori mikro SME, B40 dan

Asnaf yang telah dibantu melalui program ini dengan kos RM 500,000.00.

iii) Program Bantuan Pendidikan, Keluarga dan Sosial Asnaf

Melalui program ini, dengan kos sebanyak RM 63,222,391.00 seramai 105,070 orang asnaf menerima bantuan selain 573 buah sekolah dan 15 buah hospital/pusat kesihatan di Wilayah Persekutuan yang telah menerima bantuan melalui program ini. Program telah diatur oleh agensi Islam seperti JAKIM dan MAIWP untuk membantu menangani kos sara hidup dan meringankan beban golongan asnaf serta institusi pendidikan dan kesihatan.

iv) Program Sukarelawan Sulh

Dalam teras strategik Reformasi Institusi, Demokrasi dan Perundangan, kita khususnya Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah berjaya melahirkan 99 orang Sukarelawan Sulh dikalangan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Skwad Sukarelawan Sulh ini telah diberikan latihan profesional diharap memainkan peranan dalam institusi masyarakat sebagai mediator penyelesaian pertikaian secara damai.

iv) Tambahan Kuota Haji

Alhamdulillah, kita juga telah berjaya mendapatkan kuota 31,600 orang jemaah untuk Musim Haji 1444

Hijri tahun ini Penambahan kuota haji berbanding tahun sebelum ini akan memenuhi harapan ribuan umat Islam di Malaysia untuk menunaikan ibadah haji di Baitullah terutamanya selepas pandemik. KPI ini adalah di bawah Teras Strategik mewujudkan pentadbiran beramanah.

9. Inisiatif-inisiatif yang telah berjaya kita laksanakan dalam tempoh 100 hari ini akan dibentangkan untuk penilaian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tentunya kerja buat dan prestasi ini bukanlah hasil kerja saya seorang. Bukan juga kerja Ketua Pengarah atau CEO seorang diri. **Ini adalah kejayaan kita semua.**
10. Kita bekerja dalam pasukan. Dari sekecil-kecil tugas sampailah sebesar-besar tugas, semuanya ada peranan. Ia wajar diberikan penghargaan. Oleh kerana saya juga penjawat awam sebelum ini, saya mengetahui realiti kerja buat Tuan-Puan semua termasuk yang bekerja, memerah keringat di belakang tabir.
11. Apa yang kita telah lakukan dalam tempoh 100 hari ini, bukanlah bererti pengakhiran segala-galanya, tetapi ia sebenarnya baru permulaan bagi kita semua untuk bekerja dengan lebih kuat, penuh dedikasi, melaksanakan lebih banyak inisiatif untuk membantu masyarakat khususnya melalui Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia Madani (Al-Falah).

12. Asasnya, seluruh agensi Islam telah bergerak di atas pelantar **5 Teras, 10 Fokus Gerak Kerja dan 5 Nilai** seperti yang termaktub dalam Pelan Al-Falah. **5 Teras** yang dimaksudkan ialah:
- i. Pentadbiran Islam Mampan;
 - ii. Kemuliaan Syariah;
 - iii. Kepimpinan Berdaya Cipta;
 - iv. Kesejahteraan Insan; dan
 - v. Kehormatan Institusi Islam.
13. Sementara **10 Fokus Gerak Kerja** ialah:
- i. Pengislahan dasar dan tadbir urus institusi Islam;
 - ii. Kemampanan ekonomi dan kebajikan sosial Islam;
 - iii. Memartabatkan perundangan dan kehakiman Islam;
 - iv. Pengukuhan kepimpinan generasi muda dan komuniti;
 - v. Keunggulan Pendidikan Islam dan dakwah berhikmah;
 - vi. Pemantapan penyelidikan dan persuratan Islam;
 - vii. Pengukuhan perpaduan ummah dan keharmonian tamadun;
 - viii. Penghayatan nilai masyarakat Madani;
 - ix. Pemerksaan media dan kesenian Islam; dan
 - x. Pemodenan Prasarana Institusi Islam.

14. Pada masa yang sama, 5 Nilai yang mesti dihayati seluruh warga agensi bagi menjayakan Pelan Al-Falah ini adalah Ilmu, Integriti, Itqan, Istiqamah, dan Ikhlas.
15. Sehubungan dengan itu, pada 28 dan 29 Mac ini, saya bersama Ketua-ketua agensi dan pengurusan kanan akan mengadakan **Pemukiman Pelan Al-Falah untuk kita cerakinkan dengan lebih terperinci**. Ini adalah *way-forward* kita bersama di agensi Islam.
16. Dalam pada masa yang sama, saya mengakui masih banyak ruang penambahbaikan yang perlu kita laksanakan bersama-sama. Saya dan kita semua tidak sempurna. Pun begitu, semangat islah, tekad membuat perubahan ke arah kebaikan, perlu ada dalam perjuangan kita semua seperti gesaan ayat Al-quran yang saya bacakan di awal mukaddimah tadi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, warga agensi Islam yang dikasihi,

[BELANJAWAN 2023 PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM: TONGGAK MEMBANGUN MALAYSIA MADANI)

17. Sepertimana yang semua sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan telah membentangkan Belanjawan 2023; Malaysia Madani di Parlimen. Dalam pembentangan tempohari, agensi hal ehwal Islam telah diberikan

peruntukan keseluruhan sebanyak 1.5 Billion untuk tujuan pengurusan hal ehwal Islam. Angka tersebut telah menzahirkan kepentingan fungsi agensi Islam sebagai tonggak membangunkan agenda Malaysia Madani.

18. Selain itu, Kerajaan juga mengiktiraf dan amat menghargai jasa para murabbi ummah yang bersungguh-sungguh menggerakkan usaha imarah dakwah.
19. Kerajaan bersetuju untuk menaikkan elaun kepada 35 ribu guru KAFA sebanyak RM 100 kepada RM 1,100 dengan peruntukan tambahan lebih RM 40 juta dan memberikan sumbangan khas RM 600 kepada para Imam, Bilal, Siak, Noja, Marbut, Guru KAFA dan guru takmir. Seramai 70 ribu orang akan menerima sumbangan ini melibatkan peruntukan lebih RM 40 juta.
20. Perkara ini tentunya menjadi bukti akan komitmen Kerajaan Perpaduan pada hari ini untuk mengimarahkan penghayatan nilai-nilai Islam dalam konteks bernegara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, secara peribadi dalam pembentangan Belanjawan, amat bersungguh-sungguh mahukan agensi Islam menjadi contoh terbaik dalam kecekapan pengurusan dan pentadbiran.

21. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi amanah kepada kita semua, ketua-ketua agensi bersama warga agensi Islam untuk merancang, melaksana dan memantau setiap sen yang dibelanjakan dengan penuh jujur, agar dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Manfaatnya terus sampai ke sasaran.
22. Kita semua mesti bekerja bersungguh-sungguh, penuh itqan bagi memastikan agensi Islam beroperasi dengan mengamalkan tatakelola yang baik serta menjulang tinggi budaya integriti. Program-program yang dilaksanakan mesti menyentuh *touch-points* masyarakat selain boleh diukur daripada sudut *outcome* program.

**Saudara dan sudari sekalian,
[LAWATAN MENTERI HAJI DAN UMRAH KERAJAAN
ARAB SAUDI)**

23. Baru-baru ini, antara peristiwa penting utama dalam taqwim pentadbiran Islam adalah JAWHAR bersama Tabung Haji telah menerima kunjungan hormat Tuan Yang Terutama Dr Tawfiq Fawzan Muhammed Al Rabiah, Menteri Haji & Umrah Arab Saudi ke Malaysia pada 25 Februari – 28 Februari yang lalu. Ini adalah lawatan julung kalinya Menteri Haji Saudi ke Malaysia. TYT Dr. Tawfiq Fawzan telah dibawa meninjau;

- **Perjalanan Kursus Asas Haji Tabung Haji** di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
- **Proses pendaftaran masuk bakal haji** di Movenpick Hotel Convention Center di Sepang.
- **Latihan ‘Program Kesedaran Haji’** yang turut berlangsung di Movenpick Hotel seterusnya merasmikan program tersebut.

24. Alhamdulillah tahun ini, satu berita gembira buat umat Islam, setelah saya melakukan kunjungan hormat kepada TYT Menteri Haji dan Umrah pada awal Januari dahulu di Arab Saudi, Malaysia telah mendapat semula **kuota haji penuh sebanyak 31,600 untuk Musim Haji 1444 Hijri tahun ini**. Alhamdulillah.

25. Untuk tahun hadapan dan seterusnya, secara peribadi saya telah menyampaikan hasrat Malaysia untuk memohon penambahan kuota haji rasmi **kepada 31,950 orang**, selaras dengan pertambahan jumlah penduduk negara menurut prospektus populasi 2019 yang dikeluarkan oleh United Nations iaitu seramai 31.95 juta. Sama-samalah kita berdoa agar permohonan ini dipertimbangkan Kerajaan Arab Saudi.

26. Untuk urusan Jemaah Haji tahun ini, saya telah meminta Tabung Haji untuk memberikan sepenuh komitmen, memberikan perkhidmatan terbaik kepada para jemaah Haji Malaysia.

27. Seperkara lagi, perkara penting yang perlu saya kongsi, untuk makluman bersama, disebabkan faktor-faktor yang diluar kawalan seperti inflasi, pergerakan mata wang asing, pengenalan cukai oleh Arab Saudi dan pembangunan di Makkah dan Madinah, kos haji pada tahun ini telah meningkat sebanyak **RM30,850** seorang jemaah.
28. Di pihak pengurusan Tabung Haji, kita sudah menjangkakan kenaikan kos haji ini, namun saya telah meminta agar Tabung Haji agar terus mencari idea atau alternatif terbaik agar Bayaran Haji tidak membebankan bakal haji Malaysia.
29. Ramai yang bertanya, bagaimana dengan Bantuan Kewangan Haji tahun ini? Insya-Allah, Bantuan Kewangan Haji (Hajj Financial Assistance - HAFIS) akan diumumkan setelah dimuktamadkan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri tidak berapa lama lagi.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
(MESYUARAT MKI & TAHUN MENAMBAHBAIK SISTEM
PENYAMPAIAN)**

30. Tanggal 6 Mac lalu juga sebagai peristiwa bersejarah buat pentadbiran hal ehwal Islam. Telah berlangsung Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) kali ke-69 di Istana Melawati, Putrajaya. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan berangkat

mempengerusikan Mesyuarat MKI tersebut buat julung kalinya.

31. Dalam titah ucapan Tuanku semasa Mesyuarat MKI, telah menyatakan bahawa Majlis Raja-Raja telah menzahirkan persetujuan untuk memperkasakan semula peranan MKI sebagai suatu institusi yang bertanggungjawab menasihatkan Raja-Raja Melayu dalam menambah baik tadbir urus Agama Islam di peringkat Persekutuan.
32. Usaha ini amatlah penting agar MKI mampu mengimbangi antara kuasa, hak dan peranan Raja-Raja Melayu di dalam hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan serta menjaga hubungan baik dengan Negeri-negeri. Usaha ini juga bertujuan memenuhi aspirasi umat Islam di Malaysia, terutama yang berkaitan dengan dasar bidang pengurusan, perundangan, pendidikan dan penyelarasan fatwa.
33. MKI juga berperanan untuk memastikan peranan utama mentadbir Institusi Agama Islam diserahkan kepada golongan ulama dan profesional yang bebas daripada sebarang pengaruh parti politik, dan mampu melaksanakan tanggungjawab selari dengan tuntutan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.
34. Inilah antara titah DYMM Tuanku yang telah membuka lembaran baharu pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam. Ini adalah sumber

kekuatan kepada agensi Islam untuk terus berperanan memakmurkan negara.

35. Oleh yang demikian, agensi Islam perlu kekal fokus kepada *touch-points* masyarakat berpandukan perkhidmatan teras agensi masing-masing. Pada masa yang sama, setiap agensi mesti memperkembangkan sistem kerja agar ia benar-benar efektif.
36. Kita mahu sistem penyampaian yang pantas, tidak ada karenah birokrasi dan benar-benar sampai kepada masyarakat. Bila sesuatu keputusan mesyuarat diputuskan hari ini, tanpa menunggu lama, terus kita ambil tindakan pelaksanaan.

**Hadirin dan hadirat sekalian,
(Program Musa'adah Madani)**

37. Agensi hal ehwal Islam mesti “hidup” bersama-sama masyarakat. Menyedari denyut nadi, susah payah masyarakat. Dalam ruang dan kemampuan yang ada, agensi Islam kita membantu agensi-agensi pusat yang lain untuk menyantuni rakyat.
38. Sebagai contoh, Tabung Haji terus giat menjalankan Program CSR Zakatnya dengan Program A'fiat sebagai program pertama untuk tahun 2023. Dibawah program ini sebanyak **RM2 juta** telah disumbangkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi pembelian peralatan dan

kelengkapan perubatan pendengaran. Inilah peranan kita.

39. Kita di agensi Islam juga telah mengegrakkan Projek Infaq “Back To School” bagi membantu mereka yang terjejas dan berada di dalam kesempitan hidup. Saya ingin menzahirkan kesyukuran yang ke hadrat Allah SWT kerana usaha murni kita ini mendapat sambutan dan dokongan daripada sahabat-sahabat Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM. Pada pagi ini, YaPEIM dan Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM telah menyumbangkan dana secara khusus sebanyak **RM295,200.00**. Sumbangan tersebut akan diterima oleh 1,476 orang pelajar asnaf B40.
40. Pada masa yang sama, Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM 2.07 juta untuk membantu 14,000 orang pelajar di kalangan asnaf di seluruh negara.
41. Pada 6 Februari 2023 lalu, dunia dikejutkan dengan peristiwa gempa bumi dahsyat yang melanda negara Turkiye dan Syria. Atas dasar kemanusiaan sejagat, maka kita telah menggerakkan Tabung Kecemasan Misi Kemanusiaan Kepada Mangsa Gempa Bumi di Turkiye dan Syria yang bermula pada 08 – 28 Februari 2023. Tabung ini telah dipanjangkan kepada Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri dan juga Agensi di

bawah Menteri Agama sebagai menunjukkan solidariti rakyat Malaysia sentiasa bersama-sama mangsa-mangsa yang ditimpa musibah ini.

42. Hasil kutipan ini akan disalurkan ke **Tabung Musa'adah JAKIM-Yayasan Waqaf Malaysia** untuk penyelarasan dan agihan kepada pihak-pihak yang akan diberi tanggungjawab untuk menyampaikan sumbangan ini terus kepada mangsa di kedua-dua buah negara ini.

43. Maka adalah diumumkan bahawa hasil kutipan Tabung tersebut adalah sebanyak **RM2,047,052.15** telah berjaya dikumpulkan untuk disumbangkan kepada mangsa di negara berkenaan. Kutipan tersebut adalah hasil sumbangan daripada agensi-agensi di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) seperti Tabung Musaadah JAKIM-Yayasan Waqaf Malaysia, JAWI, MAIWP, YaPEIM, Tabung Haji, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan dan lain-lain. Selain itu, Tabung ini juga mendapat sumbangan daripada agensi agama Islam negeri seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sembilan, dan Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Tidak lupa juga, kutipan tabung ini adalah hasil sumbangan orang awam seluruh negara. Terima kasih dan syabas diucapkan atas sumbangan yang penuh bermakna ini.

Hadirin sekalian (BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK)

44. Minggu hadapan kita akan mula memasuki gerbang Ramadhan Al-Mubarak. Saya minta JAKIM selaku urus setia penyelaras memperluaskan program Ihya' Ramadhan di peringkat agensi hal ehwal Islam. Kita perhebatkan kempen kesedaran Ihya' Ramadhan bercorak tarbiyah dan penerangan berkaitan falsafah Ramadhan.

45. Dalam Mesyuarat Pasca-Kabinet minggu lepas, saya telah meminta JAKIM dan JAWI menjadi Host Program Qiamullail Perdana sempena Ramadhan di Masjid Putra, Putrajaya. Program Qiam Perdana ini kita siarkan secara langsung di TV Alhijrah.

46. Begitu juga program Sambutan Nuzul Quran. Perlu ada satu program khusus berkaitan sambutan ini dgn mendidik masyarakat pendekatan komprehensif tentang al-Quran terutama aspek kefahaman dan penghayatan nilai ketaqwaan dan sumber kegemilangan tamadun ummah.

47. Perkara yang terakhir ialah program Jejak Dhuafa Menuju Al-Falah sempena bulan Ramadhan. JAKIM bersama MAIWP, YAPEIM, YADIM dan Yayasan Waqaf Malaysia menggerakkan menggerakkan satu program nasional bagi menjejaki para dhuafa sepanjang Ramadhan. Program Jejak Dhuafa ini sebagai menyahut agenda Kerajaan bagi menoktahkan kemiskinan tegar

pada tahun ini. NGO-NGO Islam yang berkaliber perlu dilibat sertakan sebagai rakan strategik JPM (Hal Ehwal Agama) bagi menjayakan program ini.

[PENUTUP]

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

48. Setakat inilah sahaja ucapan saya memandangkan selepas ini kita ada acara lain.

49. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pihak Tabung Haji selaku host majlis kita pada hari ini, dan terima kasih saya ucapkan kepada seluruh warga agensi yang hadir.

50. Host bagi Majlis Perhimpunan Bulanan Agensi akan datang ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.